

13 NOV 1998

LEAD Mahkamah-Anwar (Pecat)/I

ANWAR SAMAN MAHATHIR MENGENAI MEMECATAN

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mencabar pemecatannya daripada Kabinet pada 2 Sept lepas.

Samannya terhadap Dr Mahathir, sebagai defendan pertama, dan kerajaan Malaysia, sebagai defendan kedua, difailkan oleh firma guaman Messrs Karpal Singh and Company di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark di sini.

Dalam saman itu, Anwar memohon perisytiharan mahkamah bahawa pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah tidak mengikut perlembagaan.

Anwar juga memohon perisytiharan bahawa pemecatannya dari 5.30 petang 2 Sept 1998 adalah tidak sah dan batal serta tidak mempunyai kesan.

Anwar, yang meminta perisytiharan bahawa beliau masih seorang menteri dalam Kabinet, juga meminta kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai dan wajar oleh mahkamah.

Dalam afidavitnya, beliau berkata Dr Mahathir pada sepanjang masa yang berkenaan bertindak sebagai ejen kerajaan Malaysia yang secara perwakilannya bertanggungjawab terhadap semua tindakan Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau dilantik menjadi menteri oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (2) (b) Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata pemecatannya sebagai Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept 1998 berkuatkuasa dari 5.30 petang oleh defendan adalah tidak mengikut undang-undang dan bertentangan dengan peruntukan dalam perkara 43 (5) perlembagaan itu.

Anwar berkata beliau telah dinasihatkan oleh peguam-peguamnya dan mempercayai bahawa Dr Mahathir tidak mempunyai kuasa atau hak mengikut undang-undang untuk memecat beliau selepas pelantikannya sebagai menteri oleh Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata hanya Yang di-Pertuan Agong yang boleh membatalkan pelantikan beliau atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (5) perlembagaan itu.

Anwar berkata pada 2 Sept, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar menyatakan bahawa beliau telah dilucut daripada jawatan Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri berkuatkuasa 5.30 petang hari berkenaan dan bahawa Yang di-Pertuan Agong sudah diberitahu mengenainya.

Beliau berkata Perdana Menteri telah mengakui di Dewan Rakyat pada 23 Okt ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Anggota Parlimen Jelutong Karpal Singh bahawa beliau (Dr Mahathir) telah menyampaikan keputusannya untuk melucutkan jawatannya itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Saya dengan hormatnya menyatakan bahawa pelantikan saya sebagai menteri oleh Yang di-Pertuan Agong selepas pilihan raya umum pada April 1995 telah dibatalkan secara yang tidak mengikut undang-undang. Dengan itu, saya masih merupakan seorang menteri dalam kabinet Malaysia," kata Anwar.

Bersama afidavitnya Anwar melampirkan satu salinan surat oleh Perdana Menteri bagi pelucutan jawatannya, satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan satu salinan catatan perbahasan Parlimen bertarikh 23 Okt mengenai perkara itu.

Dokumen-dokumen itu dikeluarkan oleh Karpal Singh kepada wakil media petang ini di luar bangunan Mahkamah Persekutuan.

Karpal, sejeurus sebelum Dr Mahathir membentangkan Belanjawan negara 1999 di Dewan Rakyat pada 23 Okt, telah mendakwa yang pelantikan Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan Pertama adalah tidak sah.

Karpal juga telah bertanya sama ada Yang di-Pertuan Agong telah membatalkan pelantikan Anwar dan sama ada pembatalan itu sudah diwartakan.

Sebagai menjawabnya, Dr Mahathir memberitahu persidangan media selepas itu bahawa pelantikannya sebagai Menteri Kewangan Pertama telah disahkan melalui warta bertarikh 5 Sept dan dikeluarkan atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong.

Warta itu yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara telah dikeluarkan mengikut Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan Perintah-perintah Menteri Kerajaan Persekutuan 1998.

-- BERNAMA

KLS AHH rn NMO